

CABARAN PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA (PPA) DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG- UNDANG JENAYAH SYARIAH DI NEGERI PERAK

Siti Aisyah Abidinⁱ, ‘Ainul Mardhiah Zabidiⁱⁱ, Siti Izzatulwafa Shamsudinⁱⁱⁱ, Noor Amalina Mohd Shah^{iv}, Zul-kifli Hussin^v

ⁱ Penolong Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. sitiaisyah@usas.edu.my

ⁱⁱ (Corresponding author). Penolong Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: ainulmardhiah@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pelajar Diploma Pascasiswazah Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. sitiizzatulwafa@gmail.com

^{iv} Pelajar Diploma Pascasiswazah Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. nooramalinamohdshah@gmail.com

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. zul-kifli@usas.edu.my

ABSTRAK

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah tertakluk di bawah bidang kuasa Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah kadangkala menimbulkan tanggapan negatif dan membuka ruang kritikan dalam kalangan masyarakat. Persoalan yang sering timbul ialah sejauh manakah penguatkuasaan jenayah syariah yang terkandung dalam enakmen jenayah syariah berjaya dilaksanakan. Hal ini demikian kerana masih terdapat kes jenayah syariah yang berleluasa namun dilihat seolah-olah tiada tindakan penguatkuasaan yang diambil. Artikel ini bertujuan mengkaji cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pegawai penguatkuasa agama dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di Negeri Perak sepertimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi teknik analisis dokumen dan temubual separa struktur sebagai kaedah pengumpulan data. Temubual dalam kajian ini melibatkan seorang penguatkuasa agama dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak dan seorang pendakwa syarie dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya cabaran dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah. Ia dapat dilihat dari aspek kurangnya kemahiran dalam memahami prosedur, kaedah operasi dan siasatan kes jenayah syariah. Isu kekurangan dan pertukaran pegawai penguatkuasa juga merupakan antara halangan dalam meningkatkan kompetensi penguatkuasa. Kajian lanjutan boleh diteruskan dengan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Pendakwaan Syariah dalam mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negeri Perak.

Kata-kata kunci: Bahagian Penguatkuasaan, Enakmen Jenayah Syariah, Penguatkuasa Agama, Undang-undang.

PENGENALAN

Amalan pelaksanaan hisbah bermula dalam bentuk pendekatan yang dijalankan oleh Rasulullah saw. Ia kemudiannya berkembang menjadi institusi penting dalam sistem pentadbiran Islam (Azrin Ibrahim, 2015). Perkembangan ini menunjukkan semakin hari konsep hisbah dalam pentadbiran Islam telah ditambah baik dalam melaksanakan tugas mendidik dan memimpin masyarakat Islam. Konsep hisbah juga memenuhi tuntutan dan keperluan mendidik dan memimpin masyarakat seiring perkembangan dan peredaran zaman. Individu yang memegang tanggungjawab memastikan urusan kaum muslimin hendaklah berpegang kepada prinsip amar makruf dan nahi mungkar dalam menjalankan fungsi dan tugas keagamaan (Az-Zuhaili, 1985). Tujuan utama penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dalam Islam adalah untuk menyuruh masyarakat kepada kebaikan dan mencegah daripada berlaku kemungkaran yang juga disebut sebagai hisbah. Konsep hisbah yang dilaksanakan badan Penguatkuasaan Agama sedikit sebanyak dilihat memenuhi kehendak amar makruf nahi mungkar.

Tugas badan Penguatkuasaan Agama bukan semata-mata menjalankan operasi dan tangkapan tetapi termasuk juga mendidik masyarakat supaya mentaati hukum syarak. Hal ini selari dengan titah baginda Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan bahawa Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) hendaklah mengamalkan sifat berhemah ketika melaksanakan tugas agar keindahan Islam dapat diperlihatkan. Baginda juga bertitah bahawa dalam melakukan sesuatu tugas, pendekatan dakwah perlu digunakan termasuk menyeru umat Islam ke arah kebaikan. Modus operandi kaki tangan penguatkuasa juga perlu berpandukan pendekatan pencegahan bukan dengan memberikan hukuman semata-mata (Majlis Logo dan Pelan Strategik, 2016). Hal ini bertepatan dengan prinsip amar makruf nahi mungkar yang diterapkan oleh agama Islam.

Dalam konteks pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, penguatkuasaan terhadap undang-undang jenayah Syariah tersebut dijalankan oleh PPA yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri. PPA dengan kerjasama Pendakwa Syarie berganding bahu memastikan pelaksanaan undang-undang berjalan lancar. Gandingan ini bagi membuktikan jenayah yang dilakukan boleh didakwa di mahkamah Syariah. Namun, bidang kuasa PPA tidak terhenti di sini. Kerjasama PPA dengan pelbagai agensi yang lain juga dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan urusan agama Islam. PPA juga berperanan untuk memastikan undang-undang Syariah, peraturan dan fatwa mufti dipatuhi dan dilaksanakan. Selain itu, PPA juga berfungsi untuk menguatkuasakan undang-undang keluarga Islam dalam kes-kes pelanggaran perkahwinan yang boleh menjejaskan ikatan kekeluargaan Islam (Musa, 2014).

Menyentuh bidang kuasa PPA, ia sangat sinonim dengan perihal undang-undang jenayah syariah. Dalam tafsiran al-Mawardi (1996), jenayah ialah segala bentuk jenayah yang berdasarkan undang-undang syariah iaitu qisas, hudud, dan tazir yang boleh dihukum mengikut hukum Allah swt. Di Malaysia misalnya, sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang yang terpakai, sama ada Kanun Keseksaan Sivil atau Undang-undang Jenayah Islam (Syariah), dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah. Dari sudut lain, kesalahan dalam jenayah Islam

boleh dikategorikan sebagai satu bentuk kesalahan dalam agama Islam. Menurut Mohd Arif Ariffin dan Siti Zubaidah (2019), penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada pelaksanaan peraturan yang sedang berkuatkuasa yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. PPA memainkan peranan yang amat penting kerana mereka merupakan barisan pelaksana bagi menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah.

Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah sering membawa kepada persepsi negatif dan menimbulkan kritikan dalam masyarakat. Konsep jenayah syariah diklasifikasikan sebagai jenayah tanpa mangsa atau *victimless crime* oleh pihak tertentu (Siti Zubaidah, 2008). Ia sering menjadi topik yang mengganggu pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia khususnya. Keluhan dan komen negatif masyarakat berhubung kelemahan isu penguatkuasaan syariah khususnya di negeri Perak merupakan antara isu yang memerlukan penjelasan yang tuntas. Justeru, kajian ini memberi tumpuan terhadap cabaran dan konflik yang dihadapi oleh PPA dan pendakwa syarie dalam menguatkuasakan undang-undang syariah di negeri Perak. Kajian ini turut menyatakan peranan dan skop tugas PPA dalam memperkasa pelaksanaan undang-undang Syariah di negeri Perak. Tidak ketinggalan disertakan juga cadangan penambahbaikan bagi melicinkan proses pelaksanaan undang-undang syariah di negeri Perak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi temubual separa struktur sebagai sumber data primer. Menurut Othman (2017), temubual separa struktur memberi peluang kepada pengkaji untuk mengutarakan soalan tambahan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan. Ia juga memberi fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka sesuatu topik secara terperinci. Melalui pendekatan ini juga, penyelidik boleh mengajukan soalan berdasarkan kepada tindak balas yang dikemukakan oleh informan. Temubual dalam kajian ini melibatkan seorang penguatkuasa agama dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak dan seorang pendakwa syarie dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen bagi pengumpulan data sekunder. Penyelidik menyoroti kajian terdahulu berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah khususnya berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan. Bagi memastikan dapatan dihasilkan secara objektif, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) secara tematik. Menurut Merriam (2001), teknik analisis kandungan merupakan prosedur yang sistematik dalam menjelaskan sesuatu kandungan komunikasi. Kaedah ini digunakan bagi mengenalpasti tema-tema yang diperoleh hasil daripada temubual yang dijalankan. Melalui teknik ini juga, penyelidik dapat memahami secara mendalam makna yang terkandung daripada data kualitatif yang diperoleh (Nik Hazimah, et al., 2021). Berikut adalah sampel kajian yang terdiri daripada dua orang informan yang ditemubual bagi mendapatkan data terperinci:

Jadual 1: Jadual Senarai Informan

Bil	Kod	Informan
1.	IN 1	Pegawai Penyelaras Operasi, Bahagian Penguatkuasaan JAIPk
2.	IN 2	Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Perak

KAJIAN LITERATUR

Penyelidik telah menyoroti kajian-kajian terdahulu berkaitan cabaran penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah bagi melihat jurang kajian, aspek kandungan dan metodologi yang digunakan. Kajian pertama bertajuk “Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah di Alam Siber” oleh Nurul Ain dan Siti Aisyah (2022). Dapatan kajian menunjukkan bahawa undang-undang yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 adalah kurang menyeluruh untuk mendakwa kesalahan mengajar agama Islam tanpa tauliah yang dilakukan di alam siber. Kajian selanjutnya bertajuk “Elemen Tempat Awam dan Hubungannya dengan Penguatkuasaan Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Selangor” oleh Zanariah (2021). Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen utama bagi penguatkuasaan kebanyakan peruntukan kesalahan dalam EJS Selangor 1995 merupakan elemen perbuatan salah yang dilakukan di tempat awam. Justeru, kesalahan yang dilakukan di tempat persendirian memerlukan kepada pembuktian yang jelas bagi mensabitkan ia sebagai satu kesalahan jenayah.

Kajian seterusnya oleh Zurul Iman dan Zaini (2019) yang bertajuk “Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Negeri Melaka”. Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah dilaksanakan khususnya di Negeri Melaka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang jenayah tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Terdapat 27 jenis kesalahan sahaja yang ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Ia tertumpu kepada kategori kesalahan berhubung dengan seksual. Mohd Arif Ariffin dan Siti Zubaidah (2019) dalam kajian bertajuk “Jenayah Syariah Golongan Mak Nyah: Isu dan Masalah Penguatkuasaan di Negeri Melaka” pula membincangkan usaha menguatkuasakan peruntukan undang-undang terhadap golongan mak nyah berkaitan halangan dan isu yang dihadapi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang di Melaka masih belum mencapai tahap yang cemerlang. Di antara halangan yang dihadapi ialah peruntukan undang-undang syariah yang lemah terhadap golongan mak nyah. Selain itu, halangan lain yang dikenalpasti ialah kekurangan bilangan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), bilangan peralatan dan gerakan operasi.

Berdasarkan sorotan yang telah dilakukan oleh penyelidik, telah berlaku perbincangan berkaitan usaha ke arah penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah sama ada di peringkat penguatkuasaan mahupun pendakwaan. Namun begitu, kajian lanjut perlu dilaksanakan secara berterusan agar ia selari dengan perubahan dan keperluan semasa. Penyelidik mendapati bahawa belum terdapat kajian secara khusus berkaitan cabaran Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di negeri perak

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Melalui kuasa yang telah diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri telah mewujudkan undang-undang jenayah syariah bagi setiap negeri yang hanya tertakluk kepada orang Islam sahaja (Zaini, 2022). Secara umumnya, kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 negeri Perak dikategorikan kepada beberapa bentuk kesalahan. Kesalahan pertama adalah kesalahan berhubungan dengan aqidah seperti ajaran atau amalan salah, mendakwa bukan Islam dan dakwaan palsu. Kataegori kedua adalah kesalahan berhubungan dengan maruah agama dan institusinya seperti menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, mencela dan menghina agama Islam dan tidak menunaikan sembahyang jumaat. Terdapat juga kesalahan yang berhubungan dengan keadilan dan ketenteraman awam seperti menggalak maksiat, mencemar tempat ibadat dan memberi keterangan atau pernyataan palsu. Akhir sekali, terdapat juga kesalahan berhubungan dengan maruah diri seperti melacurkan diri, persetubuhan haram, hamil luar nikah, bersekedudukan, qazaf, musahaqah dan khalwat.

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dalam agama Islam adalah bertujuan untuk mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran. Lazimnya, penguatkuasaan ini dijalankan oleh PPA yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri dari kalangan anggota perkhidmatan awam bagi menjalankan penyiasatan berhubung kesalahan-kesalahan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam (Mohd Arif Ariffin, 2019). Justeru, PPA memainkan peranan yang sangat penting dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah selain dibantu oleh pendakwa syarie dalam memastikan kesalahan tersebut akhirnya dipertuduh di mahkamah syariah. Kerjasama kedua-dua pihak memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah.

Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA)

Dalam konteks penguatkuasaan serta pelaksanaan undang-undang bagi kes-kes jenayah syariah, pihak yang diberikan tanggungjawab dan kuasa bagi melaksanakan sesuatu tindakan penguatkuasaan adalah PPA. Pelantikan PPA di negeri Perak adalah tertakluk di bawah Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. PPA di negeri Perak merupakan anggota perkhidmatan awam yang dilantik di bawah skim perkhidmatan Hal Ehwal Islam sama seperti kebanyakan negeri di Malaysia. PPA merupakan penyandang jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam bagi gred S41 dan ke atas, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam bagi gred S29 hingga S32 atau Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam bagi gred S19 hingga S22. Di Negeri Perak, PPA yang dilantik ini diletakkan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Unit Penguatkuasaan Pejabat Agama Islam Daerah. Selain mereka yang dilantik di bawah skim perkhidmatan awam ini, terdapat juga Pegawai Penguatkuasa Agama Sukarela yang turut sama membantu tugas-tugas penguatkuasaan jenayah syariah di negeri Perak. Mereka ini dilantik secara kontrak selama tiga tahun di setiap daerah dalam negeri Perak (IN1/271023).

Dalam menjalankan operasi penguatkuasaan jenayah syariah, setiap PPA harus mematuhi tatacara dan garis panduan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang berdasarkan kepada Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Perak 2004. Borang aduan atau dikenali sebagai Borang 5 merupakan langkah pertama bagi membolehkan sesuatu operasi penguatkuasaan kes-kes jenayah syariah dijalankan. Tanpa borang tersebut, sesuatu operasi tangkapan dianggap sebagai tidak sah kerana tidak mematuhi kehendak undang-undang. Sebarang aduan yang disampaikan oleh orang awam kepada PPA haruslah dipindahkan ke dalam Borang 5. Hal ini sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 54 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Perak 2004 yang menyebut;

- (2) Tiap-tiap maklumat itu hendaklah dicatatkan ke dalam Borang 5 Jadual yang hendaklah disimpan oleh pegawai itu, yang hendaklah menyatakan dalam catatan itu tarikh dan waktu maklumat itu telah diberikan, dan sama ada diberikan secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh orang yang memberikan maklumat itu.

Apabila tangkapan dan siasatan bagi sesuatu kes itu selesai, PPA akan menyediakan satu kertas siasatan untuk dihantar ke Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak bagi tujuan mendakwa Orang Yang Disyaki (OYDS) di Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, tidak semua kertas siasatan yang disediakan oleh PPA diterima di peringkat pendakwaan bagi proses mendakwa. Hal ini kerana, terdapat kertas siasatan yang dihantar oleh PPA tidak menepati elemen-elemen pendakwaan bagi mensabitkan kes tersebut di mahkamah. Menurut Ismail (2008), prinsip asas yang harus dipegang oleh pendakwa bagi mendakwa seseorang suspek ialah bukti yang ada haruslah mencukupi untuk didakwa. Kesempurnaan sesuatu fail kes yang disediakan oleh pihak penguatkuasa agama sangat memberi kesan terdapat pendakwaan yang akan dilaksanakan. Jika fail kes yang disediakan sempurna seperti mempunyai maklumat yang lengkap serta wujud bahan bukti yang boleh mengaitkan suspek dengan sesuatu kesalahan, maka keyakinan pendakwa untuk membawa sesuatu kes juga akan meningkat.

Takat siasatan PPA adalah penting bagi melengkapkan elemen-elemen seksyen pertuduhan. Hal ini demikian kerana setiap pertuduhan perlu disokong dengan maklumat yang didapati semasa tindakan pemeriksaan dalam operasi tangkapan. Penelitian pendakwa ke atas kertas siasatan dilakukan tidak sekadar dengan mengharapkan suspek mengaku bersalah semasa sebutan pertama kes, tetapi dengan anggapan bahawa kes akan dibicarakan apabila orang kena tuduh (OKT) tidak mengaku bersalah. Kejayaan kes pendakwaan sangat bergantung kepada takat siasatan oleh bahagian penguatkuasaan (Ibrahim & Hanifah Haydar, 2015). Oleh itu, amat penting bagi seseorang PPA memahami kaedah dan prosedur dalam melaksanakan siasatan dan operasi kes jenayah syariah. Sekiranya PPA tidak jelas peranananya semasa menjalankan operasi dan siasatan, secara tidak langsung ia akan menjejaskan keseluruhan kes yang disiasat.

Berdasarkan kepada kertas siasatan yang telah dihantar oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) ke Jabatan Pendakwaan Syariah bagi tahun 2020 dan 2021, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan pada sebilangan kes yang difailkan oleh penguatkuasa agama ke Jabatan Pendakwaan Syariah dan bilangan kes yang dipertuduh di

Mahkamah Syariah. Sebagai contoh pada tahun 2020, Bahagian Penguatkuasaan telah menghantar sebanyak empat kertas siasatan bagi kesalahan Tidak Menghormati Ramadhan di bawah Seksyen 24 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992. Walaubagaimanapun, tidak ada satu pun kes di bawah kesalahan tersebut yang telah difailkan oleh pihak pendakwaan di mana-mana Mahkamah Syariah dalam negeri Perak. Berikut merupakan jadual sebahagian kes yang telah dihantar oleh penguatkuasa agama ke Jabatan Pendakwaan Syariah dan bilangan kes yang telah dipertuduh di Mahkamah;

Jenis Kes	TAHUN 2020		TAHUN 2021	
	Kertas Siasatan Penguatkuasa	Dipertuduh di Mahkamah Syariah	Kertas Siasatan Penguatkuasa	Dipertuduh di Mahkamah Syariah
Persetubuhan haram	2	1	1	0
Tidak menghormati ramadhan	4	0	6	0
Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama	2	0	1	0
Perbuatan atau perkataan murtad	1	0	0	0
Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan	1	0	2	1

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

Hal ini membuktikan bahawa tidak semua kertas siasatan yang disediakan oleh penguatkuasa diterima oleh pendakwa untuk dipertuduh di Mahkamah Syariah. Menurut Ibrahim & Hanifah Haydar (2015), sekiranya elemen yang boleh memberikan perincian terhadap sesuatu siasatan tidak dijelaskan dengan sempurna, ia akan menyukarkan tugas pegawai pendakwa syarie untuk membuktikan sesuatu isu yang dibangkitkan dalam perbicaraan. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan prosedur pendakwaan. Implikasinya, masyarakat melihat seolah-olah tiada tindakan penguatkuasaan dilaksanakan. Informan 2 selaku Pendakwa Syarie ketika ditemu bual di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak juga mengakui bahawa terdapat beberapa fail kes penguatkuasa yang ditolak untuk dipertuduh di Mahkamah Syariah atas beberapa faktor tertentu, katanya:

IN2: “Memang ada beberapa kertas siasatan daripada penguatkuasa agama yang kami terpaksa kembalikan untuk dilengkapi dan kalau masih tak ada dokumen-dokumen yang pihak pendakwa perlu untuk dakwa kes tu kami akan berbincang dengan KPS dan kalau KPS arah untuk tolak kami akan tolak lah” (IN2/271023).

IN2: “Walaupun OKT dah pun mengaku depan PPA, kami tetap kena bersedia sekiranya OKT tak mengaku bersalah dan nak bicara. Sebab tu kami perlu dokumen yang lengkap daripada PPA untuk dakwa sesuatu kes. Pengakuan depan PPA tak boleh guna di depan Hakim. Pengakuan yang terpakai cuma sebagaimana yang disebut dalam Seksyen 17 Enakmen Keterangan saja” (IN2/271023).

Selain itu, dapat dilihat juga bahawa pendekatan yang diambil oleh pihak pendakwaan juga agak sedikit tegas dalam menilai dokumen-dokumen pembuktian yang difailkan oleh pihak penguatkuasa agama. Oleh yang demikian, ia mengakibatkan kertas siasatan penguatkuasa dipulangkan untuk dilengkapi oleh mereka atau terus ditolak. Sebagai contoh, dalam kes hamil luar nikah walaupun OKT telah mengaku di hadapan pegawai penguatkuasa dan keterangan daripada OKT telah diambil, pihak pendakwaan tetap memerlukan kepada ikrar sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 untuk dipertuduh di Mahkamah Syariah kerana ikrar yang dibuat di hadapan pegawai penguatkuasa adalah tidak mengikat dan boleh ditarik balik. Hal ini kemungkinan berpunca daripada ketiadaan garis panduan atau keseragaman dari aspek pembuktian dokumen bagi sesuatu kes antara pegawai penguatkuasa agama dan pendakwa syarie.

CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH NEGERI PERAK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya empat cabaran yang dihadapi dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah di negeri Perak. Cabaran yang pertama dapat dilihat menerusi aspek kekurangan kakitangan, kepakaran serta latihan dalam kalangan penguatkuasa. Cabaran kedua dapat dilihat menerusi halangan penguatkuasaan berkaitan peruntukan undang-undang sedia ada. Cabaran seterusnya ialah berkaitan halangan pembuktian dalam mensabitkan sesuatu kesalahan jenayah syariah. Cabaran yang terakhir ialah isu pertukaran dan perjawatan pegawai dalam kalangan penguatkuasa. Ia memberi kesan secara tidak langsung dari aspek kompetensi penguatkuasa dalam menjalankan operasi penguatkuasaan.

KEKURANGAN KAKITANGAN, KEPAKARAN DAN LATIHAN

Konflik kurangnya kualiti PPA telah disuarakan oleh masyarakat. Disebabkan kekurangan inilah yang menjadikan masyarakat sering menyoal kredibiliti PPA khususnya dalam mencegah berleluasanya jenayah Syariah di Malaysia. Diperakui bahawa masih terdapat kelemahan penguatkuasaan yang memerlukan penambahbaikan. Kurangnya pegawai penguatkuasa yang berkualiti sedikit sebanyak mengekang keberkesanan penguatkuasaan undang-undang Islam di Malaysia. Faktor utama kelemahan terletak pada perancangan dan penyelarasan proses penguatkuasaan yang tidak cekap sebelum pelaksanaan sepenuhnya (Muhammad, 2015). Ketiga-tiga unsur ini berkaitan rapat atau memainkan peranan yang penting dalam penilaian kualiti prestasi PPA. Penambahbaikan terhadap unsur-unsur ini bakal meningkatkan kualiti dan mutu prestasi PPA bagi melaksanakan fungsinya.

Masalah kekurangan anggota PPA telah pun disuarakan sendiri oleh kakitangan PPA dan menjadi topik utama dalam organisasi Penguatkuasaan Agama di Malaysia terutamanya di negeri Perak. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah populasi penduduk beragama Islam di negeri Perak adalah seramai 1.4 juta sehingga tahun 2020. Namun begitu, jumlah PPA yang dilantik di negeri Perak hanyalah seramai 60 orang. Justeru, nisbah bagi seorang PPA dengan bilangan penduduk Islam di negeri Perak ialah 1: 24, 125. Hal ini menunjukkan nisbah PPA yang dilantik terlalu sedikit berbanding dengan bilangan penduduk beragama Islam di negeri Perak. Keadaan ini menimbulkan cabaran bagi PPA melaksanakan tugas dalam melaksanakan undang-undang syariah.

IN1: “Untuk yang tetap kita hanya ada 65 orang sahaja termasuk lebih kurang lima orang anggota pentadbiran, pemandu dan kerani. Tolak daripada S48, bos yang ada dengan staf yang ada, lebih kurang 60 orang untuk satu Perak. Ada daerah yang ada empat orang, ada yang tiga, ada daerah yang ada seorang dibantu dengan PPA sukarela tadi” (IN1/271023).

Kekurangan kualiti penguatkuasaan dari segi aspek kurangnya latihan dan kurang terdedah dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menguatkuasakan undang-undang Jenayah Syariah khususnya merupakan topik yang sering diperkatakan. Jika dilihat, majoriti kakitangan Penguatkuasa Agama berkelulusan dalam bidang Pengajian Islam, Syariah atau Pengajian Quran Sunnah atau lain-lain yang berkenaan. Justeru, didapati bahawa tidak semua penguatkuasa mempunyai kemahiran atau mempunyai latar belakang pengajian undang-undang syariah (Zurul Iman & Zaini, 2019). Berpandukan latar belakang mereka, berkemungkinan besar kemampuan dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang adalah terbatas dan memerlukan kepada penambahbaikan dan latihan yang seiring dengan fungsi badan Penguatkuasa Agama.

Rentetan dari permasalahan di atas, timbul pula situasi di mana adanya kesukaran dalam pemahaman undang-undang, akta, enakmen atau ordinan kesalahan jenayah syariah serta enakmen tatacara jenayah syariah yang menjadi perkara asas dalam menjalankan tugas harian mereka. Misalnya dapat dilihat dalam isu berkaitan dengan jenayah kesalahan aqidah. Kurangnya pendedahan terhadap kemahiran undang-undang menyebabkan sebahagian kertas siasatan tidak dapat mewujudkan elemen-elemen kesalahan yang diperlukan. Oleh itu, pihak pendakwa terpaksa bergelut untuk mencari bukti yang tulen berdasarkan keterangan sebenar (Asa'ari Mohd Yazid, 2018). Justeru, menjadi satu keperluan untuk membuat dasar, panduan atau manual yang memfokuskan kepada aspek pengetahuan undang-undang, teknik penyiasatan atau kemahiran lain yang berkaitan.

Selain itu, timbul juga isu berkenaan penguatkuasa agama hanya disediakan dengan program dan kursus tertumpu dari aspek teori sahaja dan kurangnya penekanan dalam aspek praktikal. Hal ini dapat dilihat misalnya berkaitan dengan kerja lapangan, terdapat saranan dari sesetengah pihak yang mencadangkan operasi dan serbuan diserahkan kepada pihak polis sahaja. Hal ini merupakan saranan yang kurang efektif dan penyelesaian jangka masa pendek. Justeru, terdapat kepentingan untuk merangka satu latihan profesional jangka pendek dan panjang yang menerapkan teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran pertahanan fizikal seperti

latihan mempertahankan diri, cara-cara tangkapan dan sebagainya (Mohd Arif Ariffin & Siti Zubaidah, 2019).

Satu keperluan dalam membangunkan dasar, panduan atau manual yang menekankan aspek pengetahuan dan pemahaman mengenai aplikasi undang-undang, teknik penyiasatan atau kemahiran lain yang berkaitan. Dengan cara ini, penambahbaikan dari segi sumber tenaga manusia dapat digunakan secara lebih produktif. Kemudian, cadangan diwujudkan satu rangka latihan profesional jangka pendek dan panjang yang menekankan teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran tingkah laku fizikal seperti latihan mempertahankan diri, cara-cara tangkapan dan sebagainya (Mohd Arif Ariffin & Siti Zubaidah, 2019). Hal ini bagi menegaskan lagi bahawa latihan yang diberikan bersepadu dari segi teori dan praktikal bagi menambahbaik latihan atau pendedahan yang sedia ada.

Selain itu, terdapat keperluan untuk membuat penilaian terhadap tahap pengetahuan dan kemahiran yang telah disediakan dengan cara diberikan ujian atau peperiksaan berdasarkan acuan modul dan latihan yang telah dirangkakan. Keadaan ini supaya latihan, kursus atau program yang dihadiri oleh kakitangan penguatkuasa tidak disiakan dan terhenti sekadar itu sahaja. Segala perkembangan dapat diukur secara profesional dengan melihat melalui sejauh manakah keberkesanan dari penambahbaikan yang telah dilaksanakan. Penilaian ini juga boleh menjadi penanda aras kepada pelantikan kakitangan Penguatkuasa Agama yang lebih berkredibiliti di mata masyarakat.

CABARAN PENGUATKUASAAN BERKAITAN UNDANG-UNDANG

Secara umumnya terdapat lebih 50 peruntukan kesalahan yang merangkumi kesalahan berkaitan aqidah, maruah agama, maruah diri dan lain-lain kesalahan di bawah undang-undang jenayah Syariah negeri Perak. Namun terdapat beberapa kesalahan yang tidak begitu jelas elemen kesalahannya yang menimbulkan kesukaran pelaksanaan penguatkuasaan oleh PPA ketika menjalankan operasi. Hal ini boleh dilihat melalui kesalahan berhubung dengan maruah diri seksyen 57 perbuatan tak sopan di bawah Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992. Pelaksanaan penguatkuasaan berhubung kesalahan ini tidak mempunyai garis panduan yang jelas dan mudah difahami. Walaupun di sana telah terdapat Arahan Amalan no. 8 JKSM tahun 2005 bagi menjelaskan perbuatan tidak sopan adalah merangkumi aspek pakaian dan tingkah laku, namun elemen-elemen berhubung perbuatan tidak sopan yang dikehendaki itu terlalu umum. Justeru, seksyen 57 perlu diperincikan lagi bagi memudahkan PPA melaksanakan tanggungjawab mereka. Begitu juga seksyen-seksyen lain yang tidak jelas dan memerlukan perincian dan penelitian (Mohd Farok, 2017).

Selain itu, undang-undang jenayah syariah sedia ada sudah tidak relevan digunakan pada masa kini. Terdapat banyak kelompangan (*lacuna*) yang menyebabkan ia kurang sesuai dengan perkembangan semasa (BERNAMA, 2023). Melalui temubual yang dijalankan, informan berpandangan bahawa enakmen jenayah Syariah 1992 Negeri Perak perlu kepada penambahbaikan.

IN1: “Undang-undang kita yang ada Enakmen Jenayah tahun 1992, bila tahun 1992 sesuai dengan perkembangan semasa tahun itu situasi semasa tahun itu sangat sesuai tapi situasinya berbeza pada tahun 2023. Dah 20 tahun 30 tahunkan undang-undang itu ada” (IN1/271023).

Selain itu, cabaran seterusnya dapat dilihat dari aspek ketidak seragaman undang-undang (Musa, 2015). Walaupun negara telah lama mencapai kemerdekaan, namun undang-undang jenayah syariah masih tidak boleh diseragamkan. Sepertimana yang diketahui, di setiap negeri mempunyai undang-undang jenayah syariahnya yang tersendiri dengan perbezaan dari sudut penamaan undang-undang, peruntukan kesalahan yang tidak sama pada setiap negeri, malah perbezaan dari segi hukuman walaupun merupakan kesalahan yang sama. Selain itu, masyarakat juga dilihat semakin celik undang-undang. Hal ini seperti maklumat yang terdapat dalam temubual bersama informan.

IN1: “Masyarakat semakin celik undang-undang, sebab apa, kita pun bagitau kepada orang tentang peruntukan kita, kenapa kita bagitau? dah tau kelemahan ada, ada loopholnya dalam dalam kehendak undang-undang (IN1/271023).

Sepatutnya ia tidak menjadi satu masalah bahkan menjadi satu kelebihan kepada negara kita apabila masyarakat semakin celik berakitan undang-undang. Namun begitu, perkara yang sebaliknya berlaku kerana kekurangan yang wujud pada enakmen jenayah syariah di setiap negeri. Hal ini membuatkan ia dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Sebagai contohnya, masyarakat mengetahui bahawa pembuktian dalam kes jenayah yang dilakukan di atas talian adalah sesuatu yang sukar (Bernama, 2023). Begitu juga kesalahan tidak menunaikan sembahyang jumaat dan tidak menghormati Ramadhan yang sukar untuk disabitkan kesalahannya (Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, 2023).

HALANGAN PEMBUKTIAN

Salah satu halangan yang berlaku dalam penguatkuasaan jenayah syariah dapat dilihat dari aspek halangan pembuktian. Sebagai contohnya, dalam mensabitkan Seksyen 23 kesalahan meninggalkan solat Jumaat, ia hendaklah dibuktikan setelah seseorang itu meninggalkan solat jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut. Berdasarkan pengalaman informan, belum pernah berlaku pendakwaan terhadap kesalahan ini sepanjang perkhidmatan informan di Bahagian Penguatkuasaan dalam tempoh 17 tahun.

IN1: Pembuktian bagi kes seksyen 23 sangat sangat susah, saya masuk penguatkuasa 2006 sampai harini, satu kes pun tak pernah. Aduan banyak. Aduan tak rasmi (IN1/271023).

Begitu juga dalam Seksyen 50 berkaitan kesalahan hamil luar nikah, pendakwa perlu mendapatkan bukti berkaitan berlakunya hamil luar nikah. Tidak cukup sekadar mendatangkan buku rekod kesihatan ibu sebaliknya pendakwa hanya mengambil bukti sekiranya wujud pengesahan atau laporan daripada pegawai perubatan bahawa wanita tersebut hamil dengan

dokumen yang asli. Dokumen fotokopi tidak diterima oleh pihak pendakwa termasuk pengimejan *ultrasound* bayi semata-mata.

IN1: Untuk kesalahan hamil luar nikah seksyen 50, pendakwa biasanya tak bawa. Dia nak penguatkuasa buktikan. Apa elemen dia ni hamil luar nikah. Dari segi *statement*, dari segi pengesahan nikah, walaupun dah terang-terang kita boleh dapat surat beranak dia, nama bapa takda. Tapi penguatkuasa punya siasatan mana (IN1/271023).

Sekiranya terdapat kertas siasatan berkaitan kes hamil luar nikah, pendakwa akan memastikan kertas siasatan tersebut lengkap dengan melihat kandungan kertas siasatan yang meliputi subjek OYDS dan kandungan kesalahan yang dilakukan sama ada OYDS telah hamil atau telah melahirkan bayi. Sekiranya OYDS benar-benar hamil, pendakwa perlu memastikan kehamilan tersebut telah diperakui oleh pegawai perubatan. Perkara yang lazim berlaku dalam kes OYDS hamil ialah penguatkuasa gagal membuktikan bahawa kehamilan tersebut benar-benar berlaku. Penguatkuasa beranggapan bahawa buku rawatan mengandungi semata-mata boleh menjadi pembuktian agar OYDS boleh didakwa di bawah seksyen 50 bagi kesalahan hamil luar nikah.

IN2: Kadang-kadang di peringkat siasatan, tak ditunjukkan pun tentang OYDS tu sedang mengandungi oleh pegawai perubatan. Lazimnya, dalam kes OYDS hamil, penguatkuasa gagal tunjukkan bahawa OYDS itu sebenar-benarnya hamil. Apa yang ada dia hanya tunjukkan dokumen buku rawatan mengandungi tu saja dengan beranggapan buku tu boleh dakwa dia hamil (IN2/271023).

Bagi Seksyen 48 kesalahan persetubuhan haram pula, informan dari Jabatan Pendakwaan hanya membawa kes sekiranya terdapat borang ikrar sepertimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 agar tidak terikat dengan hukuman qazaf. Walaupun berlakunya persetubuhan haram semasa kes khalwat dan wujudnya qarinah sewaktu penangkapan dilakukan, ia tidak didakwa di bawah kesalahan persetubuhan haram kerana qarinahnya tidak cukup kuat.

IN2: Halangan saya untuk dakwa bagi saya berat. Sebab dari sudut hukuman qazaf. Kalau saya nak dakwa orang atas kesalahan persetubuhan haram, mesti dengan beberapa syarat yang tertentu pada saya sebagai nak dakwa. Yang pertama tu mesti dengan mengemukakan saksi ataupun saya sendiri yang tengok (IN2/271023).

Selain itu, halangan pembuktian juga wujud di pihak saksi dalam kalangan penguatkuasa. Hal ini kerana saksi tidak dapat memberikan keterangan seperti yang diperlukan semasa perbicaraan. Penguatkuasa aktif semasa menjalankan operasi tetapi tidak fokus peranannya dari sudut undang-undang khususnya dalam prosedur melakukan tangkapan. Apabila memberikan kesaksian di mahkamah, saksi dalam kalangan penguatkuasa tidak dapat membuktikan bahawa berlakunya proses tangkapan. Akhirnya, peguam membuat hujahan bahawa tidak berlaku tangkapan malah penguatkuasa hanya membawa pulang pelaku ke pejabat. Hal ini kerana tiada mana-mana keterangan atau saksi bahawa berlakunya proses tangkapan oleh penguatkuasa.

ISU PERTUKARAN DAN PERJAWATAN PEGAWAI

Penguatkuasa agama merupakan satu jawatan di bawah skim Hal Ehwal Islam dan ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak. Mereka boleh ditukarkan ke mana-mana bahagian yang lain di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak. Apabila berlaku pertukaran dalam kalangan pegawai, ia sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kompetensi penguatkuasa dalam melaksanakan operasi dan siasatan terhadap kes-kes jenayah syariah. Pengetahuan penguatkuasa terhadap ilmu perundangan juga memainkan peranan yang penting ketika membuat siasatan dan memberi keterangan di mahkamah. Bagi mengatasi konflik ini, penyelidik berpandangan bahawa terdapat keperluan agar lantikan pegawai penguatkuasa dilakukan ke atas individu yang mempunyai latar belakang pengajian undang-undang. Hal ini bagi membantu melicinkan lagi proses pertuduhan dan penyediaan kertas siasatan.

Penyelidik juga berpandangan bahawa penguatkuasa agama yang ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak ditempatkan di sebuah jabatan yang berasingan. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan Jabatan Pendakwaan yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Perak. Jabatan Pendakwaan Syariah menjadi jabatan berasingan bermula tahun 2017. Ia bagi memastikan penguatkuasa agama dapat memantapkan lagi pengetahuan dan strategi bagi melicinkan tugas-tugas penguatkuasaan. Oleh yang demikian, kerjasama yang harmoni boleh diwujudkan antara penguatkuasa dan pendakwa syarie dalam menyelesaikan kes-kes jenayah syariah. Isu pertukaran pegawai juga boleh diminimalkan kerana pertukaran yang berlaku tidak lagi tertakluk di bawah skim perjawatan Hal Ehwal Islam Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

CADANGAN

Satu keperluan dalam mewujudkan dasar dan panduan yang memberikan penekanan kepada aspek pengetahuan dan pemahaman aplikasi undang-undang, teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran lain yang berkaitan perlu dilaksanakan. Hal ini dapat meningkatkan kompetensi penguatkuasa agar lebih produktif. Kemudian, perlu dirangkakan satu latihan profesional jangka pendek dan panjang yang menerapkan teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran tindakan fizikal seperti latihan mempertahankan diri, cara-cara tangkapan dan sebagainya. Selain itu, terdapat keperluan agar lantikan pegawai penguatkuasa dilakukan ke atas individu yang mempunyai latar belakang pengajian undang-undang. Hal ini secara tidak langsung membantu melicinkan lagi proses pertuduhan dan penyediaan kertas siasatan. Cadangan melantik lebih ramai penguatkuasa wanita juga merupakan sesuatu yang wajar dilaksanakan. Hal ini bagi mengatasi kes-kes yang melibatkan OKT wanita sebagai contohnya seksyen 23 berkaitan kesalahan tidak menunaikan solat jumaat. Akhir sekali, terdapat keperluan agar diwujudkan jabatan berasingan seperti Jabatan Penguatkuasaan agar tugas-tugas penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih bermutu dan kompeten.

KESIMPULAN

Kerjasama yang lebih erat antara Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak dapat mengukuhkan lagi

penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah khususnya di negeri Perak. Di antara halangan yang dikenalpasti ialah kekurangan kakitangan, kepakaran dan latihan dalam kalangan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA). Usaha-usaha memartabatkan undang-undang jenayah syariah melalui tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Halangan dari aspek pembuktian juga merupakan cabaran besar dalam memastikan sesuatu kes boleh dibawa ke peringkat pendakwaan. Usaha yang berterusan dalam menyelesaikan isu pertukaran dan perjawatan pegawai penguatkuasa perlu dilakukan dalam meningkatkan kualiti pentadbiran khususnya dalam menguatkuasakan Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 agar setiap tindakan penguatkuasaan dijalankan secara profesional dan berhemah.

RUJUKAN

- Al-Mawardi, A. & Yate, A. (1996). *Al-Ahkam As-Sultaniyyah*. Ta-Ha Publishers.
- Al-Zuhaili, W. (1985). *Al Fiqh al Islami Wa Adillatuhu* (Vol. 8). Damaskus: Dar al Fikr.
- Azrin, I. (2015). Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11, 22-33.
- Ibrahim, D., & Hanifah Haydar, A. T. (2015). Penggunaan Garis Panduan Dan Etika Dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Kesalahan Syariah.
- Ismail, S. Z. (2008). Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.
- Majlis Logo dan Pelan Strategik 2016 - 2021 MAIPK di Ipoh.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Arif Ariffin, A. B. & Siti Zubaidah, R. (2019). Jenayah Syariah Golongan Mak Nyah: Isu dan Masalah Penguatkuasaan di Negeri Melaka. *Jurnal Ilmi*, 9(1), 30-43.
- Mohd Farok, M.N., Mohamad Hafifi, H., Nor 'Adha A.H., Azizah, M.R. & Maffuza, S. (2017). Skop dan Peranan Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Sarawak: Kupasan dan Cadangan Penambahbaikan. In 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) (pp. 229-247).
- Muhammad, R. W., Hamid, A. S. A., Thobroni, A. R., & Hussin, N. (2015). Challenges in the Enforcement of Shari'ah Criminal Offences in Selangor: Between Perception and Reality. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 23, 31-42.
- Musa, A. (2015). Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 55-84.

- Nor, M. F. M., Hassim, M. H., Ab Hamid, N. A., Rashid, A. M., & Salleh, M. (2017). Skop dan Peranan Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Sarawak: Kupasan dan Cadangan Penambahbaikan. In 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) (pp. 229-247).
- Nik Hazimah, N. M., Hayatul Safrah, S., Yusnita, Y., Wan Norhayati, M., Nor Azila, M.N. (2021). *Panduan Penyelidikan Ilmiah Kaedah dan Penulisan*: Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Nurul Ain, I., Siti Aisyah, S. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah Di Alam Siber: Kajian Di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan: *Journal Ff Shariah Law Research*, 7(2), 241-272.
- Othman, L. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Razak, N. A., & Bahori, A. (2022). Ke Arah Penyelesaian Isu Ketidakteraturan Undang-Undang Jenayah Syariah Terhadap Kesalahan Tatasusila: Towards Resolving the Issue of Inconsistency in Syariah Criminal Law on Ethical Offences. *Sains Insani*, 41-48.
- Zaini, N., Zurul Iman, Z., Zuliza, M. K. (2022), Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia, *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 22 (Dec.) 2022, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Zanariah, D. (2021, April). Elemen Tempat Awam Dan Hubungannya Dengan Penguatkuasaan Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Selangor. In International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021), Online Conference, 6th April.
- Zurul Iman, Z., Zaini, N. (2019). Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka: The Challenges of Implementing the Enforcement of Syariah Criminal Law in Malacca. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13-26.

Akta/ Enakmen

Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004